

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 08 MAC 2018 (KHAMIS)**

**RUJUKAN : 10553**

**SOALAN :**

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [ Padang Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah anak-anak yatim di rumah anak-anak yatim (*orphanage*) di seluruh Malaysia yang telah dinafikan MyKad biru warganegara atas alasan maklumat ibu bapa tidak diketahui.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mempunyai rekod anak-anak yatim yang tidak memiliki Kad Pengenalan (MyKad) kerana data yang dikawal selia oleh JPN hanya data individu yang mempunyai MyKad.**

SOALAN : 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN B. HASSAN (KOTA BHARU)**

**TARIKH : 8 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10710**

**SOALAN :**

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [ Kota Bharu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes tangkapan di bawah undang-undang anti keganasan dan Daesh yang dibawa ke mahkamah serta jumlah kes yang disabitkan dan yang dilepaskan.**

141

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Sepanjang tempoh 2013 sehingga 21 Februari 2018, seramai 382 orang telah ditahan atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kumpulan pengganas Daesh.**

**Daripada jumlah keseluruhan tangkapan pengganas tersebut, 4 orang ditahan pada tahun 2013, 59 orang pada tahun 2014, 82 orang pada tahun 2015, 119 orang pada tahun 2016, 106 orang pada tahun 2017 dan 12 orang telah ditahan bagi tempoh masa 1 Januari sehingga 21 Februari 2018.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat keadaan di mana orang-orang yang ditangkap akan didakwa dengan lebih daripada satu kesalahan jenayah (kes). Penentuan jumlah kes yang didakwa ke atas orang tersebut hanya dapat ditentukan setelah siasatan dijalankan. Sehubungan itu, bagi kes-kes yang didakwa di mahkamah, sebanyak 301 kes telah dibawa ke mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 173 kes masih dalam proses pendakwaan manakala 128 kes lagi telah dijatuhkan hukuman.**

142

**SOALAN ( 59 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 MAC 2018  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[ BATU PAHAT ]**

**SOALAN :-**

**YB. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa parit dan tali air dalam Parlimen Batu Pahat tidak terurus dengan secara menyeluruh, ada sesetengah kawasan kelihatan sudah berbelas tahun tidak diselenggara, terangkan bagaimana langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan sistem perparitan dan saliran bandar di seluruh negara berada dalam keadaan baik. Dalam masa yang sama KPKT juga ada menyalurkan bantuan peruntukan kepada PBT bagi membina dan menaik taraf longkang.

Pada tahun 2017, KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM1.18 juta bagi 3 projek membina dan menaik taraf longkang di daerah Batu Pahat mengikut perincian lokasi dan kos seperti berikut:

1. Membina longkang di Taman Setia Jaya, Batu Pahat, Johor;
  
2. Menaiktaraf longkang di Taman Sentosa, Batu Pahat, Johor; dan

(44)

3. Menaiktaraf longkang di Taman Maju Jaya Baharu, Batu Pahat, Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2018, KPKT telah menyediakan peruntukan sebanyak RM188 ribu untuk membina dan menaik taraf longkang di daerah Batu Pahat mengikut perincian lokasi dan kos seperti berikut:

1. Menaiktaraf longkang V kepada U, Jalan Utama, Taman Industri Sri Sulong, Zon 9, MP Batu Pahat, Johor; dan
2. Menaiktaraf Longkang V kepada U, di Taman Cahaya Purnama Ke SMK Dato Onn, Zon 8, Batu Pahat, Johor.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018